



**PERKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 7/1972**

*Rekod Bagi Permintaan Memecah Sempadan,
Memecah Bahagian Dan Mencantum Tanah-Tanah
Dan Rekod Bagi Permintaan Menukar Syarat-Syarat*

Surat Perkeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pemungut-pemungut Hasil Tanah supaya mengadakan rekod (daftar) bagi permintaan-permintaan menurut Kanun Tanah Negara yang tersebut di bawah ini:

- (a) Permintaan memecah sempadan menurut seksyen 137(1);
- (b) Permintaan memecah bahagian menurut seksyen 142(1);
- (c) Permintaan mencantum tanah-tanah menurut seksyen 148(1); dan
- (d) Permintaan menukar syarat dan sebagainya menurut seksyen 124.

2. Adalah didapati iaitu rekod mustahak diadakan untuk mengetahui kedudukan permintaan memecah sempadan, memcah bahagian, mencantum tanah dan menukar syarat. Rekod ini juga akan digunakan untuk kutipan hasil tanah iaitu harga tanah dan bayaran-bayaran lain (additional premium and fees) yang akan dikutip setelah permintaan-permintaan itu diluluskan. Dengan adanya rekod ini maka kedudukan tiap-tiap permintaan dan butir-butir mengenai bayaran yang telah diterima dapat ditentukan seperti yang terdapat daripada daftar

permohonan tanah (Record of land applications) mengenai permohonan-permohonan tersebut.

3. Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah diminta mengadakan dua rekod (daftar) permintaan yang disebutkan di bawah ini:

(a) *Rekod (daftar) permintaan-permintaan memecah sempadan, memecah bahagian dan mencantum tanah-tanah yang mengandungi ruangan yang tersebut:*

Serial No./File No./Name and Address of Applicant/Nature and No. of Title/Lot No./Mukim/Decision (date)/Fees collected and Receipt No./ Requisition for title (date)/Registration of title (date).

(b) *Rekod atau daftar permintaan menukar syarat dan sebagainya menurut seksyen 124 yang mengandungi ruangan yang tersebut:*

Serial No./File No./Name and Address of Applicant/Title/Lot No./Mukim/Decision (date)/Fees collected and Receipt No./ Date of effecting direction by Registrar.

Rekod atau daftar permintaan yang tersebut bolehlah menggunakan Buku 'foolscap size' sahaja.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan*

P.T.TM 17/72(6)
Kuala Lumpur,
17hb April, 1972